



**SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
24 Safar 1442 / 12 Oktober 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Isnin, 24 Safar 1442H bersamaan 12 Oktober 2020M, setakat jam 12:00 tengah hari.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	146		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	0	3	143

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (159 hari yang lalu)	5 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
340	6,822

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
308 sampel	62,703

2. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bagi orang ramai yang ingin mendapatkan ujian saringan SARS-COV-2 (*swab test*), terutama sekali mereka yang ingin membuat perjalanan keluar negeri hendaklah menjalankan ujian saringan SARS-COV-2, 3-5 hari (tiga ke lima hari) sebelum tarikh penerbangan mereka – tertakluk kepada syarat-syarat negara yang akan dituju. Hasil bagi ujian berkenaan akan mengambil masa dan orang ramai hendaklah bersabar untuk mendapatkan keputusan ujian mereka.
3. Orang ramai yang ingin mendapatkan ujian SARS-CoV-2 swab bagi perjalanan keluar negeri boleh mendapatkan ujian tersebut di lokasi dan waktu tersebut di bawah:

Lokasi	Hari Beroperasi	Waktu operasi bagi pengambilan Ujian COVID-19
Pusat Kesihatan Berakas	Isnin – Khamis & Sabtu (Kecuali Hari Kelepasan Awam – <i>lihat di bawah</i>)	8:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 2:00 petang – 4:00 petang
	Setiap hari Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam	2:00 petang – 5:30 petang
Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha	Setiap Hari *Tutup pada hari kelepasan awam	7.00 pagi – 10.00 malam

4. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 24 Safar 1442H / 12 Oktober 2020M